

23/04/1997

Mega Mark, Hungaro-Kabel bekerjasama

MEGA Mark Enterprise (Mega Mark) menandatangani perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat Hungary, Hungaro-Kabel Co Ltd bagi membawa masuk ke negara ini teknologi terkini pemasangan kabel untuk industri telekomunikasi.

Syarikat usaha sama daripada perjanjian itu, Hungaro-Kabel (M) Sdn Bhd, akan memperkenalkan teknologi `floating-in' yang hak patennya kini dimiliki Hungaro-Kabel.

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di Kuala Lumpur, semalam, disaksikan oleh Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn, yang sedang dalam rangka lawatan ke Malaysia, dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kerk Choo Ting.

Pengarah Urusan Mega Mark, Megat Shahrul Anuar Megat Kharudddin, berkata teknologi `floating-in' dalam pemasangan kabel dianggap yang terbaik boleh diperolehi pada masa ini untuk merentang rangkaian kabel gentian optik.

"Ia diterima dan diguna secara meluas di Eropah oleh syarikat telekomunikasi besar seperti Siemens, Ericsson dan Alcatel," katanya.

Teknologi baru itu menggunakan tekanan air untuk mengapungkan kabel fiber optik ketika merentang atau menggantikannya. Dengan menggunakan teknik itu, kabel fiber optik boleh direntang tiga kali ganda lebih panjang berbanding teknik biasa atau cara hembusan.

Ia akan membolehkan pengendali telekomunikasi menyediakan perkhidmatan yang cepat dan cekap kepada pelanggan mereka, katanya.

Megat Shahrul berkata, kewujudan syarikat usaha sama itu adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melihat kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dengan adanya kemudahan teknologi berkenaan, infrastruktur telekomunikasi di negara ini akan dapat dipertingkatkan.

Mega Mark yang diperbadankan pada 1992 bergiat dalam bidang pembinaan am dan hias dalaman.

Pengarah Urusan Hungaro-Kabel, Andras Gal, yang juga seorang daripada pereka teknologi berkenaan, berkata:

"Teknologi `floating-in' adalah satu mekanisme yang menghasilkan rentangan dan tekanan optimum, membolehkan kabel optik yang panjang biasanya ialah 2,000 meter dimasukkan ke dalam tiub HPDE menggunakan aliran air," katanya.

Syarikat usahasama itu yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada Mei ini akan mengadakan demonstrasi penggunaan teknologi rentangan kabel itu kepada pengendali telekomunikasi di negara ini tidak lama lagi.

Sementara itu, sempena lawatannya ke negara ini, Perdana Menteri Hungary itu diraikan dalam satu majlis makan tengahari oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) semalam.

Dalam ucapannya, Horn berkata, kedua-dua negara kini sedang menjalani proses perubahan dan kemajuan yang amat memberangsangkan.

(END)